



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 40  
No. 14

4hb Julai 1996

TAMBAHAN No. 49  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 331.**

**AKTA SURUHANJAYA PILIHANRAYA 1957**

**PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA  
(PINDAAN JADUAL) 1996**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut: Akta 31.

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan Jadual) 1996** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1994. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 adalah dipinda— Pindaan Jadual.
  - (a) di bawah tajuk "Elaun Memangku:" dalam perenggan 1—
    - (i) dengan menomborkan perenggan yang sedia ada sebagai subperenggan "(a)"; dan
    - (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (a) subperenggan yang berikut:

"(b) Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota yang pernah diminta melaksanakan fungsi Pengerusi bagi kali kedua atau kemudiannya adalah berhak mendapat elaun memangku, jika dia melaksanakan fungsi itu selama tempoh yang melebihi empat belas hari, termasuk hari kelepasan am.";

- (b) dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan yang berikut:

“6. CUTI:

- (a) Tiga puluh hari cuti rehat hendaklah diberikan bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan Suruhanjaya;
- (b) seseorang anggota boleh membawa ke hadapan cuti rehat yang dia tidak dapat habiskan dalam tahun berkenaan ke tahun berikutnya berhubung dengan tempoh jawatannya; dan
- (c) seseorang anggota boleh memohon cuti khas menunaikan fardhu Haji dengan syarat bahawa dia belum lagi menggunakan keistimewaan ini semasa dalam perkhidmatan awam dan tertakluk kepada terma dan syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.”;

- (c) dengan menggantikan perenggan 8 dengan perenggan yang berikut:

“8. GANJARAN:

Suatu ganjaran mengikut kadar 17 1/2%-12% caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) x jumlah bulan genap perkhidmatan x gaji pokok akhir selepas ditolak caruman pekerja kepada KWSP hendaklah dibayar:

- (a) apabila tamat tempoh perkhidmatan anggota itu tetapi jika seseorang anggota dilantik selama lebih daripada satu penggal, dia boleh memilih sama ada dibayar diakhir tiap-tiap penggal atau sehingga dia telah menyempurnakan kesemua penggal (dalam mana-mana satu kes dia berhak mendapat pengecualian daripada cukai pendapatan hanya sekali); atau
- (b) kepada mana-mana tanggungannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau jika tidak ada tanggungan, kepada wakil peribadinya, jika dia mati semasa memegang jawatan.”;

- (d) dalam perenggan 9, dengan menggantikan angka “\$28,000” dengan angka “RM35,000”;

- (e) dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“10. ELAUN PEMANDU:

Pengerusi      Disediakan seorang pemandu atau  
jika pemandu yang diambil bekerja

bukan dari perkhidmatan awam, gaji adalah berasaskan gred R10 dalam Skim Saraan Baru; dan

Anggota 20 sen bagi satu kilometer, semasa menjalankan tugas rasmi sehingga maksimum RM200 sebulan.”;

(f) dengan menggantikan perenggan 11 dengan perenggan yang berikut:

“11. PERJALANAN UDARA:

(“dalam negeri” ertinya penerbangan di dalam dan ke dan dari Brunei, Kalimantan, Malaysia, Singapura dan Thailand (dari Phuket ke selatan)

Pengerusi,	Kelas Satu
Timbalan	(bukan dalam
Pengerusi	negeri
dan	dan dalam
Anggota	negeri)”;

dan

(g) dengan memasukkan selepas perenggan 13 perenggan yang berikut:

“14. KELAYAKAN TAMBANG KETIKA MELAPORKAN DIRI:

Seseorang anggota Suruhanjaya layak:

- (a) menuntut tambang penerbangan berasaskan kelayakannya apabila terbang untuk melaporkan diri;
- (b) tambang penerbangan bagi suami/isteri dan anak di bawah umur 21 tahun; dan
- (c) elaun perpindahan ke negeri asal apabila tempoh jawatannya tamat.

15. ELAUN GANTIAN:

Seseorang anggota Suruhanjaya adalah layak mendapat elaun gantian apabila menggunakan kenderaannya sendiri untuk menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

16. PENDAHULUAN:

Apabila menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat, seseorang anggota Suruhanjaya layak mendapat pendahuluan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

## 17. PERBELANJAAN PELBAGAI:

Apabila membuat perjalanan untuk menjalankan tugas rasmi, perbelanjaan pelbagai yang berikut yang dilakukan hendaklah dibayar balik—

- (a) bayaran telefon, telegram atau bayaran pos yang dilakukan berkenaan dengan tugas rasmi itu;
- (b) belanja dobi (yang disokong dengan resit) yang dilakukan semasa menginap di hotel selama lebih daripada tiga hari; dan
- (c) bayaran tempat meletak kereta, tol dan feri (yang disokong dengan resit).”.

Dibuat pada 5 Jun 1996.

[PM (S) 11334/1 Jld. 8; PN. (PU<sup>2</sup>) 373.]

Dengan Perintah,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## ELECTION COMMISSION ACT 1957

ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE)  
REGULATIONS 1996

*Act 31.* In exercise of the powers conferred by section 12 of the Election Commission Act 1957, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

*Citation and commencement.* 1. These regulations may be cited as the **Election Commission (Amendment of Schedule) Regulations 1996** and shall be deemed to have come into force on 1 January 1994.

*Amendment of Schedule.* 2. The Schedule to the Election Commission 1957 is amended—

(a) under the heading “Acting Allowance:” in paragraph 1—

(i) by numbering the existing paragraph as subparagraph “(a)”; and

(ii) by inserting after subparagraph (a) the following subparagraph:

“(b) The Deputy Chairman or any member who has been asked to perform the functions of the Chairman for the second or subsequent time shall be entitled to an acting allowance, if he performs the functions for a period exceeding fourteen days, including public holidays.”;

(b) by substituting for paragraph 6 the following paragraph:

“6. LEAVE:

- (a) Thirty days vacation leave in respect of each completed year of service with the Commission shall be granted;
- (b) a member may carry forward the vacation leave which he is unable to finish on that particular year to the next succeeding year of his term of office; and
- (c) a member may apply for special leave to perform the Haj on condition that he has not used this privilege while in the public service and subject to other terms and conditions as may be determined by the Government from time to time.;

(c) by substituting for paragraph 8 the following paragraph:

“8. GRATUITY:

A gratuity at the rate of 17½%-12% Employees' Provident Fund (EPF) contribution x number of completed months of service x the last month's basic salary after deducting the employer's contribution to the EPF shall be paid:

- (a) on the expiry of the term of appointment of the member but where a member is appointed for more than one term he may opt either to be paid at the end of each term or until he has completed all the terms (in either case he is only entitled to exemption from income tax only once); or
- (b) to such of his dependants as may be determined by the Yang di-Pertuan Agong or if there are no dependants, to his personal representative, if he dies while holding office.”;

(d) in paragraph 9 by substituting for the figure “\$28,000” the figure “RM35,000”;

(e) by substituting for paragraph 10 the following paragraph:

“10. DRIVER'S ALLOWANCE:

- |          |   |
|----------|---|
| Chairman | Provided with a driver or if the driver employed is not from the public service, the salary is based on grade R10 of the New Remuneration Scheme; and |
| Members  | 20 sen per kilometre, while on official duty up the maximum of RM200 per month.”;   |

(f) by substituting for paragraph 11 the following paragraph:

“11. AIR TRAVEL:

(“domestic” means flights within and to and from Brunei, Kalimantan, Malaysia, Singapore and Thailand (from Phuket southwards)

Chairman,	First Class
Deputy	(non-domestic
Chairman	and domestic)”;
and	
members	

and

(g) by inserting after paragraph 13 the following paragraphs:

“14. TRAVELLING ELIGIBILITY WHEN REPORTING FOR DUTY:

A member of the Commission is entitled to:

- (a) claim air fare based on his eligibility when travelling to report for duty;
- (b) air fare for the spouse and any child under the age of 21 years old; and
- (c) transfer allowance to his home state when his term of office expires.

15. SUBSTITUTION ALLOWANCE:

A member of the Commission is entitled to substitution allowance when using his own car for carrying out official functions outside headquarters subject to terms and conditions as may be determined by the Treasury from time to time.

16. ADVANCE:

When carrying out official functions outside headquarters, a member of the Commission is entitled to an advance subject to the terms and conditions as may be determined by the Treasury from time to time.

17. MISCELLANEOUS EXPENSES:

When travelling to carry out official functions, the following miscellaneous expenses incurred shall be reimbursed—

- (a) telephone, telegram or postal charges incurred in respect of the official functions;
- (b) laundry expenses (to be supported by receipts) incurred during hotel stay of more than three days; and

(c) parking, toll and ferry charges (to be supported by receipts).”.

Made 5 June 1996.

[PM (S) 11334/1 Jld.8; PN. (PU<sup>2</sup>) 373.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,  
*Secretary to the Cabinet*

**P.U. (A) 332.**

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)  
(JALAN TOL JALAN KUCHING-JALAN KEPONG) (No. 2) 1996**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984, Menteri membuat perintah yang berikut: Akta 306.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Jalan Tol Jalan Kuching-Jalan Kepong) (No. 2) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 8 Julai 1996. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Kamunting Corporation Berhad adalah diberikuasa selama tempoh dari 8 Julai 1996 sehingga 7 Januari 1997, untuk meminta, memungut dan menyimpan, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Jalan Tol Jalan Kuching-Jalan Kepong— Pemberikuasaan memungut tol.

- (a) dari km. 2.87 Jalan Kuching (sebagaimana diukur ke arah utara dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur) ke Persimpangan Jalan Kepong/Jalan Kuching;
- (b) dari Persimpangan Jalan Kepong/ Jalan Kuching ke km. 8.07 Jalan Utama Utara-Selatan (sebagaimana diukur ke arah utara dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur); dan
- (c) dari Persimpangan Jalan Kepong/Jalan Kuching ke km. 7.89 Jalan Kepong (sebagaimana diukur ke arah utara dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur),

oleh kelas-kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, tol bersesuaian yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual itu.

(2) Jalan yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan adalah ditunjukkan dalam Jadual Kedua.